

24 MAR 1996

Ting-sijil

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN HOTEL DIARAH BERBINCANG

PULAU PINANG, 24 Mac (Bernama) -- Pihak Berkuasa Tempatan dan pengurusan hotel-hotel di Langkawi yang menjalankan perniagaan tanpa sijil kelayakan diduduki (CF) diarah berbincang untuk mencari formula menyelesaikan masalah itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kementerian boleh membantu, menasihati dan mengarah pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan tetapi terpulang kepada pihak berkuasa terbabit menyelesaikan masalah itu.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya tidak menanggung pengeluaran CF bagi projek-projek yang telah memenuhi syarat.

Beliau membuat arahan itu ketika diminta mengulas mengenai laporan kononnya 70 peratus hotel di Pulau Langkawi beroperasi tanpa CF.

Ting, yang ditemui selepas menghadiri mesyuarat antara pemimpin dan anggota-anggota MCA dari Kedah, Perlis dan di sini, berkata ekoran pendedahan itu, pihak berkuasa tempatan di seluruh negara telah diarah mengeluarkan sijil sementara bagi bangunan yang belum memenuhi syarat sepenuhnya seperti belum menanam pokok-pokok di sekitar bangunan.

"Bagi hotel pula, hotel yang menjalankan operasi tanpa sijil bukan hanya bersalah dari segi undang-undang malah menghadapi risiko yang sangat tinggi," katanya.

Ting juga mengakui bahawa banyak hotel di Pulau Langkawi dikenalpasti menjalankan perniagaan tanpa CF.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak tahu jumlah hotel yang terbabit. --

BERNAMA

RA AKD